

Hubungan diplomatik China-Malaysia dirai dalam perhimpunan Tahun Baharu Cina
Astro Awani
29 Januari 2024
Bernama

KUALA LUMPUR: Menjelang sambutan Tahun Baharu Cina yang akan datang, diplomat dan tetamu berkumpul di Kedutaan China di Malaysia pada Ahad untuk sambutan hangat dan penuh meriah bagi perayaan yang juga dikenali sebagai Festival Musim Bunga di China.

Ia diadakan untuk mempromosikan pertukaran budaya dan meraikan sejarah bersama antara China dan Malaysia.

Acara itu menampilkan peluang kepada tetamu untuk membuat ladu tradisional Cina (Jiao Zi), mempelajari kaligrafi Cina, mencuba pakaian tradisional Cina selain mengambil bahagian dalam Pitch-pot, permainan tradisional melontar anak panah atau kayu ke dalam bekas yang dikenali dalam bahasa Mandarin sebagai 'Touhu'.

Menteri Kedutaan China di Malaysia, Zheng Xuefang, berkata pada tahun 2023 pemimpin kedua-dua negara mencapai kata sepakat penting mengenai usaha bersama mewujudkan komuniti masa depan China-Malaysia, melakar pelan tindakan pembangunan hubungan dua hala dalam era baharu.

Beliau berkata disebabkan momentum positif yang dijana oleh kekerapan pertukaran antara China dan Malaysia, kerjasama praktikal terus berkembang. Projek-projek di bawah Inisiatif Jalur dan Jalan serta dalam industri-industri baru yang muncul telah menghasilkan kejayaan, manakala interaksi antara rakyat telah berkembang secara konsisten.

"Tahun ini merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik China-Malaysia, yang menandakan peristiwa penting dalam hubungan dua hala.

"China dan Malaysia akan bersama-sama melaksanakan konsensus penting yang dicapai oleh pemimpin negara kita, iaitu untuk terus memperdalam kepercayaan bersama politik, meningkatkan kerjasama yang saling menguntungkan dan menggalakkan "ikatan rakyat dengan rakyat", dengan tujuan untuk memajukan hubungan dua hala menuju ke arah esok yang lebih baik," katanya semasa berucap merasmikan acara hari terbuka di Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia.

Kedutaan itu turut menayangkan video pendek mengenai Tahun Baru Cina, menekankan kepentingannya sebagai perayaan tradisional China yang paling utama.

Ini terutamanya, festival itu baru-baru ini ditetapkan sebagai cuti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, membuktikan kepentingannya dalam budaya global.

Sementara itu, antara yang hadir pada majlis itu ialah pengulas politik Malaysia terkenal yang juga pengengaruh media sosial Thaqib Shaker.

Thaqib merakamkan penghargaannya untuk acara itu, dengan menyatakan bahawa ia memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk memahami hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Kami sentiasa mengiktiraf aspek manfaat hubungan Malaysia dengan China, terutamanya daripada segi ekonomi. Sekarang, kita dapat melihat sejumlah besar rakyat kita yang belajar di China dan begitu juga sebaliknya.

"Daripada segi pelancongan di Malaysia, kami secara konsisten menyambut sejumlah besar pelancong China setiap tahun. Hubungan istimewa yang dikongsi negara kita dengan China patut diberi perhatian dan adalah penting untuk memperkukuh ikatan ini," kata Thaqib.

Perhimpunan itu menjadi bukti hubungan kukuh antara China dan Malaysia, dengan komitmen untuk memupuk masa depan bersama.

-- BERNAMA

© 2024 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-diplomatik-chinamalaysia-dirai-dalam-perhimpunan-tahun-baharu-cina-455927>